

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

PERAKUAN PENYELIA.

Dengan ini disahkan bahawa Latihan Ilmiah yang berjudul: "SIFAT-SIFAT KONFLIK DALAM NOVEL-NOVEL S.OTHMAN KELANTAN" oleh FARIDAH HANAM BT. YUSOFF telah diperiksa selengkapnya dan dinilai.

Rancangan Kesusasteraan
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia.

Tandatangan: _____
(Nama Penyelia)

Tarikh: _____

SIFAT-SIFAT KONFLIK DALAM

NOVEL-NOVEL

S. OTHMAN KELANTAN

OLEH:

FARIDAH HANAM BT. YUSOFF

802888

7

1983

Latihan Ilmiah Untuk Keperluan Ijazah

Sarjana Muda Kesusasteraan

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

Sidang Akademik 1983/84

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini bertujuan untuk mengkaji seorang novelis tanah air yang tidak asing lagi kepada kita para pembaca, khususnya para peminat sastera, iaitu S.Othman Kelantan. Beliau merupakan seorang penulis yang berbakat dalam bidang kesusasteraan. Kebolehan dan kemampuan beliau tidak hanya terbatas dalam satu genre kesusasteraan sahaja, tetapi meliputi sajak, cerpen, drama, rencana-rencana berbentuk kritikan sastera, falsafah agama dan politik.

Untuk membicarakan S.Othman sebagai seorang novelis secara keseluruhan adalah merupakan satu skop yang luas. Lalu setelah saya meneliti keenam-enam buah novel beliau,¹ saya begitu tertarik kepada satu aspek yang agak khusus iaitu konflik-konflik yang diutarakan oleh beliau menerusi novel-novelnya. Tajuk yang saya pilih ialah, 'Sifat-Sifat Konflik Dalam Novel-Novel S. Othman Kelantan.' Saya juga telah membahagikan sifat-sifat konflik tersebut ke dalam dua bentuk iaitu; konflik dalaman dan konflik luaran.

¹Lihat Lampiran (1).

(ii)

Bagi memenuhi tujuan kajian tajuk tersebut, saya telah membahagikan latihan ilmiah ini kepada empat bab. Secara ringkasnya pembahagian tersebut adalah seperti berikut;

Bab I, sebagai bab pendahuluan, saya mulakan perbincangan dengan memberikan beberapa faktor yang menarik dan keistimewaan yang ada pada novelis S.Othman berserta-kan latarbelakang beliau secara ringkasnya. Bermula dari pendidikan asas, pekerjaan, kegemaran dan seterusnya penglibatan beliau dalam arena kesusasteraan.

Bab II, merupakan bab yang terpenting atau inti-pati kepada kajian latihan ilmiah ini. Saya dahului kajian saya dengan membincangkan sifat konflik yang per-tama iaitu, konflik dalaman dalam novel-novel S.Othman Kelantan. Perbincangan ini pula berdasarkan kepada novel-novel beliau yang berkaitan.

Di dalam Bab III, saya meneruskan lagi perbincangan dengan konflik luaran dalam novel-novel S.Othman Kelantan. Seperti yang saya bincangkan dalam Bab II, bab ini juga saya dasarkan perbincangan saya kepada novel-novel S.Othman.

(iii)

PENGHARGAAN

Perlu ditegaskan di sini bahawa, walaupun saya asingkan perbincangan saya dalam Bab II dan Bab III, namun antara keduanya saling berkait-rapat antara satu dengan yang lain.

Akhir sekali ialah Bab IV, di mana saya secara keseluruhan membuat kesimpulan terhadap kajian yang telah saya lakukan. Dalam bab ini juga, saya cuba membuat penilaian sejauhmanakah kejayaan S.Othman sebagai seorang novelis dan di takahmanakah kedudukan beliau bila dibandingkan dengan novelis-novelis lain.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dra.Nur'ainy Ali, sebagai penyelarasan dan penasihat saya. Beliau telah banyak membimbing dan menunjuk ajar di sepanjang latihan ilahiah ini dibuat. Tidak lupa juga terima kasih saya kepada Puan Fatimah Husa yang menjadi penyelarasan sementara, sebelum Dra.Sur'ainy berada di kampus Universiti Islam Malaysia. Begitu juga penghargaan saya kepada S.Othman Salantan sendiri, yang telah sudi meluangkan masa beliau untuk bertemaramah dengan saya tanpa rasa jenuh dan bosan.

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, akhirnya latihan ilmiah ini berjaya saya sempurnakan bagi memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjana Kesusasteraan (B.A.Hons.) saya. Tidak terniat di hati saya untuk bermegah-megah dengan apa yang saya hasilkan ini. Begitu juga dengan kritikan-kritikan yang dibuat terhadap S.Othman Kelantan adalah semata-mata berdasarkan kewajipan untuk kepentingan akademik saya. Untuk itu kiranya ada kesalahan dan kesilapan di sepanjang perbincangan saya nanti adalah tidak disengajakan, saya menulis dengan penuh kesedaran.

Di sini saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dra.Nur'ainy Ali, sebagai penyelaras dan penasihat saya. Beliau telah banyak membimbing dan menunjuk ajar di sepanjang latihan ilmiah ini dibuat. Tidak lupa juga terima kasih saya kepada Puan Fatimah Busu yang menjadi penyelaras sementara, sebelum Dra.Nur'ainy berada di kampus Universiti Sains Malaysia. Begitu juga penghargaan saya kepada S.Othman Kelantan sendiri, yang telah sudi meluangkan masa beliau untuk bertemuramah dengan saya tanpa rasa jemu dan bosan.

Malah tanpa adanya bantuan mereka yang berkenaan kemungkinan besar latihan ilmiah ini tidak dapat saya sempurnakan.

Di samping itu juga, saya turut berterima kasih kepada kakitangan-kakitangan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang, Perpustakaan Awam, Kota Bharu, Kelantan, Perpustakaan Kuantan, Pahang dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, yang telah memberi kerjasama dan kemudahan serta layanan yang baik semasa saya membuat pinjaman buku dan mikor-filem, di sepanjang penyediaan latihan ilmiah ini.

Akhir kata, di atas segala budi baik pihak-pihak yang disebutkan di atas, sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih dan semoga mendapat ganjaran yang sewajarnya dari Allah SWT., Insya'Allah.

Wasallam.

Faridah Hanam binti Yusoff
Universiti Sains Malaysia
Minden,
Pulau Pinang.

Februari, 1984.

DAFTAR KANDUNGAN

	HALAMAN
SINOPSIS	(i)
PENGHARGAAN	(iv)
BAB I:	
<u>PENDAHULUAN</u>	1
BAB II:	
<u>KONFLIK DALAMAN DALAM NOVEL-</u>	
<u>NOVEL S.OTHMAN KELANTAN</u>	17
BAB III:	
<u>KONFLIK LUARAN DALAM NOVEL-</u>	
<u>NOVEL S.OTHMAN KELANTAN</u>	68
BAB IV:	
<u>KESIMPULAN</u>	111
LAMPIRAN	124
BIBLIOGRAFI	125

S.Othman Kelantan merupakan seorang penulis yang berbakat dalam mengutarakan ide-ideanya. Halah bakatnya ini tidak kurang menariknya bila dibandingkan dengan penulis-penulis tanah air kita yang sudah 'established' seperti Khairon Anand dan Maria Das, begitu juga jika diukur dengan penulis di Indonesia seperti Achadiat Kartabihardja dan Prasoedya Ananta Toer.

Beliau juga mempunyai keperibadian atau identiti -nya tersendiri dalam bab I tambahan novel-novelnya. Un-

Bab I

PENDAHULUAN

Membicarakan novel-novel S.Othman Kelantan untuk berupaya memahami latar belakang yang 'real' di dalam kajian latihan ilmiah ini merupakan satu skop yang luas. Setelah meneliti karya-karya beliau, saya dapati satu aspek yang paling menarik yang ingin saya bicarakan. Saya begitu tertarik dengan konflik-konflik yang digambarkan oleh pengarang. Kajian saya mengenai dengan konflik-konflik ini saya beri judul 'Sifat-Sifat Konflik Dalam Novel-Novel S.Othman Kelantan.'

Pemilihan tajuk dan tokoh di atas juga berdasarkan kepada beberapa faktor yang menarik;

¹ Ali Anand, Asas Mengetahui Cerita, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976, hal. 45.

S.Othman Kelantan merupakan seorang penulis yang berbakat dalam mengutarakan ide-idenya. Malah bakatnya ini tidak kurang menariknya bila dibandingkan dengan penulis-penulis tanah air kita yang sudah 'established' seperti Shahnnon Ahmad dan Keris Mas, begitu juga jika diukur dengan penulis di Indonesia seperti Achadiat Kartamihardja dan Pramoedya Ananta Toer.

Beliau juga mempunyai keperibadian atau identiti-nya tersendiri dalam persembahan novel-novelnya. Umumnya beliau punya gaya atau stail pengucapan yang lancar dan baik. Bahasa yang digunakan juga bersesuaian dengan isi cerita dan latar tempat novelnya, seterusnya berupaya menimbulkan latar suasana yang 'real' di dalam setiap novel beliau. Ringkasnya teknik penceritaannya disusun dengan begitu baik dan rapi. Kemampuan ini agak sukar ditandingi oleh kebanyakan penulis-penulis kita.

Menerusi novel-novelnya juga, beliau begitu gemar mengengahkan berbagai konflik dan pertikaian sama ada konflik dalaman dan konflik luaran. Konflik yang merupakan pusat dalam sesebuah novel membawa unsur-unsur pertentangan antara kuasa-kuasa atau individu-individu. Konflik pula berkait rapat dengan tema.¹

¹Ali Ahmad, Asas Menganalisa Cereka, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1978, hal. 45.

Di dalam novel yang kompleks, konflik juga melibatkan berbagai perkara sama ada individu, masyarakat ataupun nilai-nilai kebudayaan. Konflik juga melibatkan aksi. Aksi sesuatu watak digerakkan oleh motivasi atau penggerakannya. Pergerakan itu pula merupakan faktor yang kuat bagi menyokong tindakan-tindakan seseorang pelaku. Bukan sahaja peristiwa-peristiwa luar atau konflik luaran yang boleh menggerakkan seseorang watak itu bertindak, tetapi juga sifat semula jadi, sikapnya, keadaan jiwanya atau konflik dalaman juga mengambil peranan.

Sebuah novel yang baik dapat menggambarkan dengan anasir-anasir lahir (konflik luaran) dan anasir-anasir batin (konflik dalaman) bersatu di dalam menentukan tindakan seseorang pelaku atau watak. Lantaran itu jugalah kita dapati konflik dalaman dan konflik luaran dalam novel yang berjaya, begitu erat kaitannya antara satu sama lain. Ini bertepatan juga dengan penegasan yang dibuat oleh Mahmud Ahmad tentang istilah konflik dalam novel;

"novel menceritakan sesuatu kejadian yang luar biasa tentang kehidupan manusia, luar biasa oleh kerana dari kejadian-kejadian terlahirlah suatu konflik atau kepincangan. Satu pertikaian atau pegeseran yang meng-

alih tujuan nasib mereka. Suatu peralihan tujuan dalam mana seolah-olah seluruh kehidupan mereka jadi padu, keadaan pada masa mereka yang lampau dan masanya akan datang."²

Di samping itu juga, S.Othman berjaya meninggalkan kesan tandatanya kepada pembaca tentang apakah yang akan berlaku seterusnya, di dalam novel-novel beliau. menerusi unsur-unsur konflik yang didedehkannya. Cerita-ceritanya juga penuh dengan aksi dan realistik, seperti novel Juara,³ yang begitu mendebarkan hati dan dirasakan seolah-olah kita sebagai pembaca ikut serta terlibat. Tambahan pula ada pembaca-pembaca yang begitu sensitif dan bersimpati serta menganggap dirinya sebagai sebahagian daripada diri pratagonis yang malang seperti watak Pak Mat dalam novel Perjudian.⁴

Faktor-faktor inilah menjadikan pembaca terus ingin membaca dan akibatnya telah menghasilkan ketegangan (konflik) yang hampir sama dengan rasa gelisah ingin tahu; apa yang akan terjadi akhirnya, sama ada

²Mahmud Ahmad, 'Sepintas Lalu Perkembangan Cerita-Cerita Novel Melayu Selepas Perang,' Dewan Bahasa, Mei, 1959, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hal.60.

³S.Othman Kelantan, Juara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

⁴ibid., Perjudian, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

baik atau buruk kepada pratagonis dalam novel-novel S.Othman.

Satu lagi kelebihan atau keunikan S.Othman sebagai seorang novelis ialah cara ia membuat penyelesaian terhadap konflik-konflik yang ditimbulkannya. Penyelesaian kepada konflik merupakan suatu kerumitan bagi pengarang-pengarang novel khususnya. Cara penyelesaian yang paling 'populer' dan yang selalu digunakan oleh kebanyakan pengarang ialah; balasan baik kepada pratagonis dan balasan jahat kepada antagonis. Tapi yang penting di sini, apakah cara menyelesaikan konflik itu wajar atau tidak dengan perkembangan cerita dan tindak-tanduk para wataknya. Bagi S.Othman, penyelesaian baik dibalas baik dan jahat dibalas jahat sudah tidak wajar lagi kepada realiti kehidupan hari ini. Tidak semua manusia yang baik itu akan berakhir dengan kejayaan dan kebahagiaan. Malah apa yang kita lihat pada hari ini, kebanyakannya manusia yang kaya dan berkuasa yang selalunya memperolehi kejayaan dan menguasai dunia. Kebaikan dan keburukan peribadi individu belum tentu dapat memberi jaminan kejayaan dan kebahagiaan dalam hidupnya.

Atas andaian itulah juga, kita dapati kebanyakan novel-novel S.Othman, pratagonisnya berakhir dengan kekalahan atau kegagalan dan kematian. Ini disebabkan pratagonis yang diambil oleh S.Othman bukannya manusia yang 'ideal' tetapi hanya merupakan manusia yang kerdil dan dalam serba kelemahan. Watak-watak yang dipilihnya juga bukanlah dari golongan aristokrat atau birokrat, tetapi dari masyarakat bawahan yang miskin dan daif. Kesan yang ditinggalkan oleh beliau di dalam novelnya menjadikan pembaca begitu sensitif bila menghayatinya.

Tegasnya di sini S.Othman sudah meninggalkan alam fantasi dan imaginasi seperti di dalam cerita-cerita Penglipur Lara. Di sebaliknya beliau secara terang-terangan mendedahkan hakikat kehidupan manusia yang sebenarnya. S.Othman juga begitu gemar dan berghairah sekali dalam memaparkan kehidupan dan penderitaan masyarakat kampung yang miskin dan mundur.

Bila menghayati setiap novel S.Othman, khususnya dari aspek pengambilan watak dan latar belakang, kita dapati adanya keselarian antara latar belakang beliau sendiri dengan hasil ciptaannya. Di sini kita rasa ada persamaannya dengan novelis Shahnnon Ahmad

yang begitu gemar mengisahkan masyarakat Kampung Banggol Derdap, di Kedah, yang juga merupakan kampung asalnya.⁵

Demikian juga dengan S.Othman. Keseluruhan novel-novelnya berlatar tempatkan negeri Kelantan, negeri asalnya. Rasa kasih dan cintakan tanah tumpah darahnya telah beliau abadikan menerusi karya-karya. Faktor ini jugalah yang menjadikan novelnya begitu realistik sekali. Untuk menghidupkan lagi suasana di dalam novel-novelnya, beliau ada menyelitkan dialog-dialog para watak berloghat Kelantan.

Lantaran itu juga dikatakan bahawa sesebuah karya itu mempunyai hubungan atau kaitan yang erat dengan masyarakat di mana pengarang itu hadir. Ini disebabkan pengarangnya ikut terlibat dalam segala pergolakan dan konflik yang berlaku dalam masyarakat tersebut. Bertepatanlah dengan istilah kesusasteraan sebagai membicarakan apa yang berlaku dan apa yang terlihat pada sesuatu masyarakat sambil mengemukakan sikap dan pandangan pengarang.⁶

⁵Lihat novel-novel Shahnnon Ahmad; Rentong, Ranjau Sepanjang Jalan dan Srengenge yang berlatarkan Kampung Banggol Derdap, Kedah.

⁶Baharuddin Zainal, Mendekati Kesusasteraan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1975.

Ada baiknya jika di sini saya catatkan serba ringkas latar belakang S.Othman khususnya mengenai penglibatan beliau dalam bidang penulisan.

Nama sebenar S.Othman Kelantan ialah Syed Othman bin Syed Omar. Beliau dilahirkan pada tahun 1938 di Kampung Tebing Tinggi, Kemumin, Kelantan. Beliau pernah menggunakan nama pena Ibnu Omar. Bapanya Syed Omar bin Syed Hassan bertugas sebagai imam dan peniaga, dan telahpun meninggal dunia pada awal tahun 1941. Ibunya pula bernama Tuan Sharifah binti Haji Nik Abdullah berasal dari keturunan raja jembar. Juga telah meninggal dunia ketika berusia 67 tahun, dalam tahun 1972. S.Othman telah mendirikan rumah-tangga dengan Aishah binti Ismail dari Pahi, Ulu Kelantan.

S.Othman mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Sabak, dalam tahun 1947 hinggalah ke tahun 1952. Menurut beliau dalam tahun 1951, beliau telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke Malay College di Kuala Kangsar (MCKK), tetapi tidak mendapat kebenaran dari keluarganya dengan alasan di sekolah tersebut ada mengajar agama Keristian kepada anak-anak melayu. Beliau kemudiaannya menjadi guru dengan lulusan (sijil) Maktab Perguruan (TUCS) dalam tahun

1957, dan mengajar di Sekolah Kebangsaan Padang Garong, Kota Bharu, Kelantan.

Di samping mendapat pelajaran secara formal, beliau juga mendapat pelajaran agama di rumah dan di-pondok-pondok agama. Di rumah beliau belajar dari ibunya sendiri, Allayarhamah Tuan Sharifah binti Haji Nik Abdullah dan juga dari bapa saudaranya, Syed Abdullah bin Syed Hassan. Dari sini beliau mendapat pelajaran asas dalam agama Islam. Kemudian beliau menambah lagi pengetahuan agama Islam secara belajar di pondok agama. Di antara guru-gurunya ialah Haji Muhamad Diah dan Haji Mohamad Salleh bin Musa, yang agak terkenal dewasa itu.

Di dorong oleh semangat untuk mendalami pengetahuan agama Islam secara lebih serius, beliau telah mengikuti ceramah-ceramah dan syarahan-syarahan agama di surau-surau di merata-rata tempat. Antaranya ialah dengan Haji Noor bin Haji Ibrahim (Mufti Kelantan), di Penambang, Haji Nik Abdul Aziz di Kedai Lalat, dan juga dengan Haji Ismail bin Yusoff (Timbalan Mufti Kelantan).

Beliau juga merupakan seorang yang gigih dalam menimba ilmu pengetahuan moden. Dalam tahun 1964, beliau telah berjaya di dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tahun berikutnya beliau cuba menduduki peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran (STP) dengan satu mata pelajaran sahaja iaitu Bahasa Melayu. Tahun 1971, beliau mencuba peperiksaan STP sekali lagi dan memperolehi sijil am sahaja.

Beliau ada mempelajari Bahasa Inggeris tetapi secara sendirian sejak tahun 1952. Beliau juga ada belajar tentang agama Keristian secara pos dari tahun 1960-61, dari salah sebuah akademi di Singapura. Tetapi kemudiannya kursus ini telah diharamkan di-Malaysia. Pelajaran ini adalah semata-mata untuk memperluaskan lagi pengetahuan beliau tentang keagamaan selain dari agama Islam.

Tahun 1954 merupakan detik pertama S.Othman melangkah ke dalam bidang kesusasteraan. Pada masa itu beliau masih mengajar di Sekolah Kebangsaan Bukit Jawa, Selising.

Karya S.Othman yang pertama ialah teka-teki yang disiarkan dalam Utusan Kanak-Kanak, bulan Mac, tahun 1954. Ini merupakan titik permulaan atau sebagai latihan saja. Beliau kemudiannya tertarik dan berminat dengan penulisan secara lebih serius setelah membaca karangan-karangan biasa yang dihasilkan oleh teman-temannya.

S.Othman menulis cerpen pertamanya, 'Pembalasan' yang disiarkan dalam majalah Tunas, bulan September, 1954. Beliau juga menulis rencana-rencana mengenai politik, agama dan kritikan sastera dan juga sajak. Kebanyakan karya-karyanya disiarkan dalam majalah-majalah, Mingguan Hiburan, Qalam, Pengasuh, Mastika, Utusan Zaman, Dewan Bahasa dan lain-lain.

Setakat hari ini beliau telah berjaya menghasilkan lebih kurang 250 buah cerpen dan lebih dari 30 buah sajak. Manakala novel-novelnya pula berjumlah enam kesemuanya.⁷

Novel pertama beliau telah diterbitkan dalam tahun 1966, berjudul Pengertian,⁸ Novel ini mengisah-

⁷Lihat Lampiran (1)

⁸S.Othman Kelantan, Pengertian, Pustaka Murni, Kelantan, 1966.

kan konflik jiwa yang dialami oleh seorang pelukis muda, Muhamad Faris, dalam mempertahankan kesucian konsep seninya. Sebenarnya novel ini sedikit sebanyak ada pertalian dengan diri pengarang. S.Othman yang begitu berminat dalam bidang lukisan, terutamanya lukisan yang berbentuk potret wanita cuba menggambarkan kepada kita bagaimana pergolakan perasaan seorang anak muda apabila ia berdepan dengan kecantikan wanita yang menggoda keteguhan imannya, serta mencabar kesucian konsep seni yang ingin dipertahankan. Persoalan yang ingin ditimbulkan oleh S.Othman menerusi watak Muhd Faris, ialah, adakah seorang seniman itu bisa mengawal nafsu seksnya bila ia digoda oleh kegebuhan tubuh badan wanita. Dengan menghayati novel Pengertian, kita akan menemui jawapannya bahawa, seniman juga merupakan manusia biasa yang lemah oleh godaan iblis dan syaitan.

Lahirnya novel kedua, Pertentangan,⁹ adalah hasil dari minat S.Othman dalam soal-soal keagamaan yang bukan saja terbatas kepada pengetahuan agama Islam. Tetapi beliau juga ada membuat peninjauan dan menyelidiki tentang agama-agama lain serta

⁹S.Othman Kelantan, Pertentangan, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1967.

kajian terhadap beberapa aliran yang cuba menyaingi agama seperti atheis dan anarkis. Novel ini banyak menyentuh persoalan-persoalan dan konflik-konflik yang berlaku antara dua ajaran yang bertentangan iaitu Islam dan Atheis. Perdebatan dan hujjah-hujjah yang dikemukakan oleh S.Othman menerusi novel ini banyak berdasarkan kepada pemahaman dan penyelidikan beliau sendiri tentang agama. Malah watak Burhan dalam novel ini juga digambarkan sebagai anak seorang ulama' yang alim, telah dipengaruhi oleh ajaran atheis. Di sini S.Othman seolah-olah ingin menyatakan bahawa seorang bapa yang beriman belum pasti dapat melahirkan anak yang baik. Tetapi pengaruh persekitaran lebih kuat mendorong seseorang individu itu. S.Othman juga secara sinis telah menyindir setengah-setengah masyarakat melayu, khususnya anak-anak muda yang begitu ghairah sekali terpengaruh dengan gejala-gejala yang dibawa oleh arus kemajuan dari dunia barat yang moden.¹⁰

Di samping novel Pertentangan, S.Othman juga pernah menulis rencana-rencana berbentuk falsafah keagamaan. Kebanyakan hasil-hasil beliau ini di-

¹⁰ Novel Pertentangan ada persamaannya dengan novel satira Putera Gunung Tahan oleh Ishak Haji Muhammad, yang menyindir segelintir masyarakat melayu yang meniru adat budaya orang-orang barat secara membuta-tuli.

terbitkan di majalah-majalah tempatan. Malah menurut beliau, pernah mengarang buku-buku falsafah agama tetapi tidak diterbitkan oleh pihak percetakan.

Demikian juga dengan novel Juara,¹¹ Novel ini berdasarkan pengalaman beliau dalam arena politik. S.Othman pernah melibatkan diri secara langsung dalam bidang politik di negeri Kelantan bermula dari tahun 1956. Ketika itu beliau merupakan ahli UMNO di kawasan Selising, Pasir Putih. Tetapi setelah berlakunya krisis antara Encik Muhamad Khir Johari (tokoh UMNO), dengan kumpulan guru-guru, beliau dan beberapa orang guru yang lain telah keluar beramai-ramai dari UMNO. Beliau kemudiannya berpihak pada parti lawan iaitu PAS. Dalam tahun 1957, beliau telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa Pemuda PAS di kawasan Kota Bharu. Di sini -lah beliau bergiat dalam berkempen untuk pilihanraya. Tetapi dalam tahun 1963, beliau telah berhenti bergiat politik hinggalah ke hari ini. Beliau lebih banyak menumpukan masa dan perhatiannya untuk mengembangkan lagi dunia kesusasteraan.

¹¹S.Othman Kelantan, Juara, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1976.

Sebagai seorang karyawan yang memiliki daya imajinasi dan kreativiti yang tinggi, S.Othman cuba menerapkan pengalaman beliau dalam bidang politik menerusi novel Juara. Pahit maung dalam memperjuangkan politik telah beliau samakan dengan sebuah perjudian iaitu, perlagaan lembu, kerana kedua-dua perlawanan ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama. Kalau dalam politik manusia bisa tipu-menipu antara satu sama lain, maka dalam perlagaan lembu juga berlaku proses penipuan. Demikian juga di sebaliknya, jika dalam perlagaan lembu ada wang pertaruhan, maka dalam pertandingan politik juga melibatkan wang yang banyak.

Seterusnya latar belakang peribadi beliau sebagai seorang anak kampung telah memberi inspirasi kepada S.Othman untuk melahirkan Perjudian¹² dan Angin Timur Laut.¹³ Kedua-dua buah novel ini mendedahkan konflik dan penderitaan hidup yang dihadapi oleh masyarakat melayu golongan bawahan yang terdiri dari kaum nelayan dan petani. Secara tidak langsung pula, S.Othman cuba mengenenagahkan soal-soal keadilan pihak pemerintah yang diamanahkan untuk menjaga kebajikan

¹²S.Othman Kelantan, Perjudian, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1973.

¹³Ibid., Angin Timur Laut, Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1967.

rakyat, khususnya rakyat miskin. Malah menurut S.Othman, kalau beliau diberi pilihan untuk berbicara antara dua watak iaitu watak miskin dan watak kaya dalam menghasilkan sesebuah novel, beliau lebih gemar memilih watak yang miskin dan daif. Menurut beliau lagi, adalah menjadi tanggung-jawab para karyawan tanah air kita untuk menyuarakan kesempitan hidup rakyat yang miskin demi menyama-ratakan kedudukan rakyat yang kaya dengan yang miskin.¹⁴

Sebagai kesimpulannya bolehlah kita tegaskan, bahawa latar belakang seseorang individu dan peristiwa dalam satu-satu masyarakat yang dilaluinya adalah saling berkait-rapat antara satu sama lain. Dengan kata lain karya-karya S.Othman merupakan manifestasi kepada kehidupan manusia sejagat dan juga pengalaman-kehidupan beliau sendiri. Manifestasi ini pula disalurkan menerusi aspek kesenian dengan menggunakan bahasa sebagai media utamanya. Maka dalam penelitian sesebuah karya itu, dengan sendirinya pula memperlihatkan kegiatan-kegiatan kehidupan manusia itu sendiri, khususnya diri pengarang.

¹⁴Hasil dari wawancara saya dengan S.Othman Kelantan pada bulan Oktober, 1983.

yang lebih dan baik.

Demikian halnya dengan kloning-saya buah novel S.Othman Kelantan. Oleh karena itu kedua novel-novelnya menunjukkan kedua-dua sifat konflik ini. Cuna yang menunjukkan ialah keributan konflik itu di dalam -kan.

Untuk penjelasan yang lebih mendetail, dalam Bab II ini, saya hanya bawakan kepada sifat konflik yang pertama ialah konflik dalaman (internal conflict).

BAB II

SIFAT-SIFAT KONFLIK DALAM NOVEL-NOVEL S.OTHMAN KELANTAN

Dalam membincangkan sifat-sifat konflik dalam novel-novel S.Othman Kelantan, saya bahagikan kepada dua kategori yang umum, iaitu konflik dalaman (internal conflict) dan konflik luaran (external conflict). Namun garis pemisahan ini bukanlah secara mutlak. Ini disebabkan antara dua sifat konflik ini adalah saling berhubung-rapat dan mempunyai kaitan antara satu dengan yang lain. Umumnya dalam tiap-tiap novel yang berjaya, kedua-dua sifat konflik ini dipaparkan secara beriringan. Barulah ceritanya meninggalkan kesan luaran dan perukitan, atau dengan lain perkataan

yang logis dan baik.

Demikian halnya dengan keenam-enam buah novel S.Othman Kelantan. Boleh dikatakan kesemua novel-novelnya menonjolkan kedua-dua sifat konflik ini. Cuma yang membezakannya ialah keseriusan konflik itu didedah-kan.

Untuk penjelasan yang lebih mendetail, dalam Bab II ini, saya hanya tumpukan kepada sifat konflik yang pertama iaitu konflik dalaman (internal conflict). Manakala dalam Bab III nanti, Insya'Allah saya akan bicarakan pula konflik luaran (external conflict). Semuga pembahagian yang dibuat nanti tidak akan mengelirukan pemahaman kita bersama.

KONFLIK DALAMAN DALAM NOVEL-NOVEL S.OTHMAN KELANTAN

Konflik dalaman yang disoroti oleh S.Othman menerusi keenam buah novelnya lebih tertumpu atau berligar kepada persoalan-persoalan dan dilemma yang berlaku di dalam diri watak itu sendiri(individu). Konflik dalaman ini biasanya dicetuskan oleh sebab-sebab luaran dan persekitaran, atau dengan lain perkataan

konflik dalaman ini adalah ekoran atau akibat daripada konflik luaran. Inilah yang saya maksudkan tadi, bahawa kedua sifat konflik ini saling berkait rapat antara satu dengan yang lain.

Konflik dalaman ini juga disalurkan menerusi ingauan ataupun kenang-kenangan para watak terhadap masa lampau, masa kini dan juga masa akan datang. Teknik yang digunakan oleh S.Othman ialah teknik lintasa kembali atau 'flashback'.

Saya pecahkan pula konflik dalaman ini kepada beberapa jenis atau sifat yang agak khusus;

Konflik dalam mencari keyakinan hidup dan pegangan atau konsep.

Konflik ini agak serius dibicarakan oleh S.Othman menerusi dua buah novelnya iaitu Pengertian¹ dan Pertentangan². Hujjah yang diutarakan juga agak serius dan disandarkan dengan beberapa ideologi dan pendapat-

¹S.Othman Kelantan, Pengertian, Pustaka Murni, Macang, Kelantan, 1966

²Ibid., Pertentangan, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1967.

pendapat para intelektual dari barat, terutamanya dalam novel Pertentangan.

Walaupun kedua novel ini dibina dalam suasana yang berbeza, namun persoalannya berpusar kepada konflik dalam mencari apakah sebenarnya hakikat kehidupan ini dan apakah konsep pegangan hidup yang sebenarnya.

Dalam novel Pengertian, S.Othman mengemukakan watak utamanya Muhd Faris, seorang pelukis muda dari Tumpat, Kelantan. Beliau menganut fahaman 'seni untuk seni'. Lantaran itu ia harus jujur dan luhur terhadap setiap karya seninya. Melukis segala sesuatu keindahan adalah sebagai kepuasan kepada penikmatan seni. Hasil dari usahanya bukan untuk wang ringgit, tapi semata-mata untuk seni. Maka apa jua yang bertentangan dengan nilai seni, bererti mencabuli dan membunuh jiwanya sendiri.

Akibat dari konsep inilah, Faris sentiasa bergelut dan berkonflik dalam pemikiran dan perasaannya. Apatah lagi bila didedahkan kepada berbagai bentuk cabaran dan dugaan yang mengguncangkan keteguhan konsepnya itu. Beliau juga terpaksa berdepan dengan masyarakat yang tidak dapat menerima dan memahami konsepnya, kerana bagi masyarakat, seni adalah kehidu-

pan. Setiap hasil seni harus dibina di atas nilai-nilai kehidupan manusia. Lantaran itulah Faris berkonflik dengan pendiriannya sendiri;

"Sejak dia menjejaki dunia seni, dia telah bertekad di dalam hatinya, berlaku jujur, taat dan sabar seperti cita-cita dan pelaksanaan yang dibuat oleh para nabi. Akan tetapi nyata dia tidak bisa berbuat begitu. Faktor masyarakat membuatnya jadi bengkok. Masyarakat telah membentuk dirinya menjadi kotor. Masyarakat kota sebenarnya: Fikiran Faris, telah³ kotor, jahil dan takabur. "

Selain dari konsep seni, konflik yang berlaku dalam diri Faris adalah akibat dari cabaran dan kegilaannya terhadap tubuh wanita yang gebu dan seksi dalam mencari kepuasan seninya. Kerana baginya kecantikan sedemikianlah mempunyai nilai-nilai estetika yang sejati. Keluh Faris;

"Agus dengar! Faris separuh melolong. Kertas dan pensil terpegang di tangannya; isterimu terlalu cantik. Kau harus merasa syukur memiliki keindahan itu. Kecantikan ada

³Pengertian, hal.1966.

-lah kurniaan, dan sambil itu ia berundur sedikit, keindahan dan kecantikan itu adalah kecintaan seni-man, kecantikan pelukis. Kau harus mengerti aku pe-⁴lukis. Katanya berani."

Cabaran pertama yang ditempuhi oleh Faris dalam mempertahankan konsep seninya ialah seorang gadis aristokrat dari Tumpat, Tengku Norbani. Tengku Norbani telah mengundang Faris untuk melukis seluruh tubuh badannya dalam keadaan berbogel. Dalam menghadapi saat begini, Faris merasa seolah-olah ia berdepan dengan seorang pelacur kelas atasan. Konfliknya di sini adakah Faris dapat mempertahankan keluhuran seninya ataupun tunduk kepada kemahuan nafsu seksnya. Antara dua persoalan ini terus bermain di dalam diri Faris. Sebagai anak muda yang masih bergelora jiwanya, akhirnya Faris tanpa sadar gugur dalam dakapan Tengku Norbani;

"Antara dia dengan Tengku Norbani sekarang terbentang sebuah padang nafsu yang dihuni bapak-bapak setan dan betina-betina setan. Dan padang itu

⁴Ibid., hal.132.

bersambung dengan padangnya tanpa suatu pagarpun. Dia berlari-lari di atas padang itu. Tengku Norbani juga sedang berlari-lari di padang itu."⁵

Ekoran dari peristiwa tadi, Faris telah memamerkan lima lukisan bogel Tengku Norbani dalam satu pameran di Kota Bharu. Faris disebut-sebut sebagai pelukis yang berjaya. Perkara ini telah menjatuhkan marwah dan mencemarkan nama sebuah keluarga aristokrat yang disengani ramai. Malah Faris sedar bahawa tindakannya itu juga sebenarnya telah berlawanan dengan konsep seni yang selama ini dikatakan ingin berlaku jujur dan luhur. Ternyata Faris telah tersilap langkah. Beliau telah mengotori kesucian seninya sendiri. Malah telah melanggar prinsip seninya sehingga tewas pada kecelakaan nafsu dan dunia;

"Dia telah meracuni jiwa sekeluarganya manusia. Menjatuhkan kedudukan sesama manusia, bukankah itu membentuk sifat-sifat pra-kemanusiaan? Dan melanggar prinsip-prinsip perjuangan seniman yang tulin? Dia kesal

⁵Ibid., hal.33

Kesal seperti Adam setelah
memakan buah khaldi."⁶

Dalam perayaan kemenangan Faris, ia telah ber-
kenalan pula dengan Nancy Kwan. Yang kemudiannya men-
jemputnya untuk melukis potret. Lagi sekali peristiwa
dulu berulang kembali. Kecantikan tubuh badan Nancy
Kwan benar-benar mencabar dan mengguncangkan kemudaan
Faris. Nancy Kwan yang dikatakan bernafsu raksaksa
ini dengan mudah dapat menundukkan Faris;

"Perlakukanlah apa-apa saja
ke atasku, wahai laki-laki!
Nancy Kwan merintah. Faris
menutup matanya menghalau
iblis dan setan dari padang
hatinya. Dia tidak sedar
benar apa yang berlaku, se-
sedarnya dia sudah berada
di rumahnya. Dan sejak itu
dia tidak bertemu Nancy
Kwan lagi."⁷

Walau bagaimanapun Faris cuba untuk mencari
jalan keluar dari permasalahan konfliknya. Dia benar
-benar merasa berdosa, hina dan keji pada dirinya
sendiri. Dia bukan lagi seniman tulin. Tapi sudah

⁶Ibid., hal.55

⁷Ibid., hal.82